



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
23 MEI 2019 (KHAMIS)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- Golongan OKU diberi perhatian sewajarnya 33

Utusan Malaysia

- Kibar bendera separuh tiang 06



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
23 MEI 2019 (KHAMIS)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Golongan OKU diberi perhatian sewajarnya
Muka Surat	33

Golongan OKU diberi perhatian sewajarnya

SH 23/5/2019 M/s 33

PANDAN INDAH – Kerajaan Negeri Selangor mahu memperkasakan lagi Majlis Tindakan Orang Kelainan Upaya (OKU) agar golongan tersebut dapat diberi perhatian sewajarnya.

ADUN Pandan Indah, Ir Izham Hashim, Majlis Tindakan OKU yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri pada tahun lalu adalah sebagai pemantau dan pemikir dalam usaha memperkasakan golongan berkenaan secara komprehensif.

"Majlis Tindakan OKU ini bertanggungjawab untuk mengkaji dasar-dasar pelaksanaan program yang membantu meningkatkan martabat golongan itu di negeri ini," katanya dalam ucapan pada Majlis

Berbuka Puasa bersama OKU, anjuran Pusat Khidmat Masyarakat Dun Pandan Indah, di sini baru-baru ini.

Turut hadir pada majlis tersebut, Timbalan Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Pandan, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Izham berkata, beliau difahamkan penglibatan golongan OKU sebagai ahli lembaga pengarah Majlis Tindakan OKU turut membantu merangka dasar dan pelan holistik dari segi kategori OKU dan aspek golongan berkenaan.

"Kita mahu perjalanan Majlis Tindakan OKU ini bukan sahaja ditentukan oleh individu yang memahami kehidupan dan keperluan OKU, tetapi mere-



Wan Azizah bersama Izham meluangkan masa meraikan golongan OKU di Dun Pandan Indah bersama dengan majlis berbuka puasa serta penyampaian sumbangan untuk meringankan beban golongan itu.

ka yang setiap hari melalui kehidupan sebagai OKU," katanya.

Beliau berkata, ia ada-

lah untuk memastikan sebarang dasar yang digubal adalah mampu memberi manfaat golongan OKU.

"Saya dimaklumkan lebih 400,000 golongan OKU di seluruh Negara yang perlu diberikan per-

hatian sepenuhnya.

"Saya yakin kerajaan persekutuan dan negeri akan memberi tumpuan bukan sahaja aspek kebajikan termasuk aspek lain seperti keperluan kerjaya, sumber pendapatan dan kemahiran," katanya.

Izham berkata, turut menggesa badan bukan kerajaan (NGO) turut memperjuangkan nasib atau hak bagi golongan OKU.

"Saya mengharapkan kerjasama semua pihak sama ada komponen parti politik, pemimpin masyarakat, pihak berkuasa tempatan agar terus memberi ruang dan peluang kepada golongan OKU untuk sama-sama menikmati hasil pembangunan," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 23 MEI 2019 (KHAMIS)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Kibar bendera separuh tiang
Muka Surat	06

Kibar bendera separuh tiang

um 23/5/19 m/s: 6

KUALA LUMPUR 22 Mei - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah telah menitahkan supaya semua bendera negeri Selangor dikibarkan separuh tiang bermula hari dan esok.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari (**gambar**) berkata, ia sebagai tanda menghormati kemangkatan Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

"Merafak sembah takziah kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan seluruh rakyat negeri Pahang atas kemangkatan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.



"Menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan agar bendera negeri Selangor dikibarkan separuh tiang bermula hari ini dan hari esok sebagai tanda menghormati kemangkatan Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.

"Semoga roh Al-marhum mendapat husnul khatimah, dicucuri rahmat Allah SWT dan ditempatkan di syurga penuh nikmat," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Paduka Ayahanda Sultan Haji Ahmad Shah mangkat di Institut Jantung Negara (IJN) di Kuala Lumpur pada 8.50 pagi hari ini.